Yayasan Bank Rakyat sedia bantuan dalam sektor

Hasil kajian pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertajuk *'Competitive Analysis of Se in Malaysia'* mendapati Yayasan Bank Rakyat (YBR) merupakan yayasan terbaik di Malaysia dalam pelbagai lapisan masyarakat sama ada kepada yang berpotensi tinggi mahupun kurang berkemampuan.

Penyelidikan membabitkan empat yayasan korporat terpilih berdasarkan daya saing dan sumbangan pengurusan pendidikan ini.

Kumpulan pensyarah dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM) ini diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Ishak Ism

Ehwal Korporat & Kualiti) bersama empat yang lain termasuk Naib Canselor UMP, Profesor Dato' S
Pengajian Siswazah (IPS), Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron, Dekan FIM, Profesor Madya Dr Mohd. Ridzua

Hadir menyampaikan pembentangan kajian, Profesor Dato' Dr. Hasnah berkata, YBR adalah terbaik da
penjimatan kos dan kecekapan program melalui kerjasama pintar.

"Malahan YBR juga menggunakan pendekatan yang holistik dalam pendidikan dengan memenuhi kehenda

"Biasiswa tidak sahaja diberikan kepada pelajar cemerlang akademik tetapi juga kepada mereka ya
keluarga B40 yang dilihat menerusi bakat dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR)," katanya ber
Rakyat di Kuala Lumpur pada 12 Mac 2019 yang lalu.

Selain itu katanya, UMP telah mengenal pasti cabaran dan strategi yang berjaya diguna pakai oleh yay
yang akan menjadi amalan terbaik yang boleh dilaksanakan di yayasan korporat yang lain.

"Dalam pada itu, dapatan kajian juga boleh dijadikan bahan kes yang dapat membantu dalam proses peng

"Dalam mengatasi kekangan sumber manusia, yayasan dan organisasi boleh melaksanakan kerjasama pi

“Begitu juga dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan, yayasan atau organisasi boleh memberikan persediaan mengambil mereka bekerja setelah tamat pengajian,” katanya.

Hadir merasmikan program, Pengerusi Bank Rakyat merangkap Pengerusi YBR, Datuk Noripah Kamso da Shaharudin.

Beliau mengumumkan pihak YBR kini menawarkan Biasiswa Bank Rakyat bagi membantu pelajar cem asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Awam (UA) serta institusi pengajian tinggi swasta di dalam atau

Ujarnya, setiap tahun YBR memperuntukkan 70 peratus daripada dana yang diterima daripada Bank Rak serta insentif biasiswa kepada pelajar cemerlang.

“YBR memperuntukkan RM2.25 juta untuk program biasiswa tahun ini dan ia adalah daripada perunt berjumlah RM24.88 juta.

“Saya percaya, dengan peruntukan biasiswa itu dan program modal insan yang menyeluruh akan berupay pelajar berpotensi sekali gus menjayakan misi kerajaan ke arah menjana modal insan berkualiti dengan mi

Sementara itu, permohonan biasiswa berkenaan terbuka kepada warga negara Malaysia berumur 18 pengajian dalam bidang data sains, pengkomputeran, kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan dan k

Pemohon yang ingin melanjutkan pengajian pada peringkat asasi atau matrikulasi perlu memperoleh Pelajaran Malaysia 2018.

Bagi pemohon peringkat ijazah sarjana muda pula perlu memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia, asasi, matrikulasi atau diploma.

Mereka yang berminat, permohonan kini dibuka sehingga 28 Mac ini menerusi aplikasi telefo www.yayasanbankrakyat.com.my.

UMP dan MUJ anjur persidangan ICAME

Oleh: DR. SAIFUL ANWAR CHE GHANI DARI FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATA

Penganjuran *International Conference on Advanced in Mechanical Engineering and Nanotechnology* (IC
merupakan hasil kerjasama baik pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Manipal University Jaipur (M

Persidangan ini mendapat penyertaan yang memberangsangkan apabila lebih 200 kertas kajian diterima da

Persidangan dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim yang men
kecemerlangan UMP khususnya dan jaringan universiti teknikal (MTUN).

Bersama delegasi UMP yang hadir terdiri daripada Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
Saiful Anwar Che Ghani dan Dr. Daing Mohamad Nafiz Daing Idris. Mewakili MUJ pula adalah Dr. Santosh

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing, persidangan ICAMEN 2019 merupakan sebuah persidangan antara
MUJ hasil cetusan idea keperluan kedua-dua institusi untuk memanfaatkan pengiktirafan global.

"Pertemuan ini memberi peluang peserta persidangan berkongsi kepakaran dalam memperkasa bid
penyelidikan.

"Selain itu dapat meningkatkan visibility UMP di peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan MUJ, Profesor Dr. Jagannath Korody berkata, pihaknya s
dengan memasukkan elemen *Outcome Based Education* (OBE) yang selari dengan pendidikan vokasi
universiti ini.

Majlis menyaksikan acara perasmian ICAMEN 2019 dengan menyiram pokok hijau sebagai simbol keles
kedua-dua institusi dari dua negara.

Delegasi UMP turut berpeluang mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Presiden MUJ, Profesor Dr. JK
termasuk bertukar pandangan tentang amalan terbaik (best practice) dan kerjasama yang akan dibuat men

Turut serta dalam pertemuan ini adalah Dekan Fakulti Sains MUJ, Profesor Dr. Anoop Kumar Mukhopadhy

Dimensi Baharu Teknousahawan

Oleh: DR MOHAMAD ROZI HASSAN
e-Mel: rozi@ump.edu.my

Di Malaysia, kerajaan sangat menitikberatkan untuk membangunkan usahawan lebih-lebih lagi dalam k golongan yang bertenaga dan berpotensi. Umumnya, belia hari ini memiliki ilmu dan pelbagai bidang ke serta kemahiran yang dimiliki oleh belia masa kini akan memendekkan masa serta proses untuk mereka m

Penglibatan belia dalam bidang keusahawanan boleh ditaksirkan sebagai bukti yang mana pihak kerajaa dan kemudahan bagi usahawan muda dengan tujuan untuk memantapkan lagi kemahiran dalam bidan pinjaman juga diwujudkan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam bidang ini.

Intipati Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) juga memberi tumpuan untuk membangunkan usahaw arah meningkatkan daya saing untuk menjadi usahawan yang kompetetif diperingkat nasional dan antaraba Secara umumnya, keusahawanan sebagai proses mencipta sesuatu yang baharu dengan nilai-nilai yang dan keupayaan, dan ia perlu seiring dengan faktor kewangan, risiko sosial dan menerima ganjaran da dilakukan secara berdikari

Asas keusahawanan boleh juga merujuk kepada pengaplikasian proses inovasi dan penerimaan te berorientasikan perubahan terhadap kedua-dua aspek sosial dan ekonomi. Ringkasnya, hasil daripada ino positif.

Penjelasan di atas membolehkan kita mendefinisikan keusahawanan sebagai satu bidang kerjaya yang ar usahawan mengendalikan urusan perniagaan untuk keuntungan sebagai sumber pendapatan diri dan kelu dalam dunia keusahawanan. Impaknya juga kepada pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan sosio

Negara bukan sahaja perlu mewujudkan masyarakat Malaysia yang menjadi pengguna teknologi, perkembangan pengetahuan saintifik dan teknologi pada masa depan. Saranan ini membuktikan k berbudaya keusahawanan yang mampu mengatasi cabaran-cabaran yang mendatang dalam usaha me maju dan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Maka, sinergi antara teknologi dan usahawan perlu di wadah model pembangunan usahawan negara melalui pemerkasaan teknousahawan.

Teknousahawan adalah bidang keusahawanan yang mengaplikasi dan menggunakan kepakaran teknolog pengurusan perniagaan dan membuat keputusan berkaitan perniagaan. Model teknousahawan adalah

kapasiti dan kapabiliti usahawan sedia ada kepada usahawan yang berskala perusahaan kecil, sede
mengikut kluster masing?masing yang dilaksanakan melalui kerjasama Rakan Pintar Teknologi yang me
Institusi Latihan Kemahiran, Agensi & Badan Kerajaan Penyedia Teknologi atau Sektor Swasta yang mem
dan teknologi strategik.

Model teknousahawan bermatlamat adalah ke arah peningkatan dan pengukuhan teknousahawan sel
mampu menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Domestik Kasar (GDP), kewujudan industri-indu
pekerjaan baharu negara oleh PKS. Pemilihan strategi utama model teknousahawan ialah adalah faktor
gagasan ini menerusi usaha-usaha mempertingkatkan kapasiti dan kapabiliti usahawan melalui pendekata
keusahawanan.

Di samping itu, strategi merangkaikan teknousahawan dengan industri melalui pemadanan perniagaa
strategik dengan peneraju industri. Model ini perlu disokong dengan skim bantuan dan kemudahan se
Infrastruktur Perniagaan, Skim Sokongan Berpakej Industri & Perniagaan, Runding Cara Perniagaan, K
Perniagaan dan Pembangunan Pemasaran.

Pelaksanaan model teknousahawan bermula daripada peringkat pembudayaan melalui seminar?seminar
sasar iaitu pelajar-pelajar sekolah, mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi, pelatih Institusi Latihan Kemah
yang berminat dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi untuk meningkatkan taraf perniagaan mer
mengikut zon, negeri dan daerah secara berkala dengan kerjasama dengan rakan pintar teknologi.

Usaha dan strategi ini memberi penekanan kepada pewujudan dan pembangunan teknousahawan mela
dan teori, perundingan teknikal, reka bentuk dan pembangunan produk, kemudahan dan sokongan penyeli
(attachment), runding cara perniagaan, promosi dan pemasaran dan latihan keusahawanan.

Kesimpulannya satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memant
usahawan belia, mahasiswa dan usahawan baharu. Berdasarkan trend analisis, didapati bahawa pengliba
adalah tinggi. Namun ianya hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan. Mereka menceburi bi
mendapatkan pendapatan untuk menyara kehidupan ataupun sebagai pendapatan sampingan untuk m
diberi nafas baharu melalui pendekatan teknologi dan kemahiran yang memberi pulangan lebih besar dan l

***Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang. Re
Kosmo pada 9 Mac 2019.***

- 96 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

